

03/07/2000

Bekas duta terjemah buku

KUALA LUMPUR, Ahad - Sikap mahu membantu saudara sesama Islam, menyebabkan bekas Timbalan Duta Besar Malaysia di Russia, Datuk Syed Hussein Al Habshee memulakan inisiatif bagi menterjemah buku karya moyangnya, Ahmed Ibn Zayn al Habshi bertajuk Essentials of Islam (Asas Islam) ke bahasa Russia.

Buku karya Ahmed yang bertulisan tangan asalnya diterbitkan pada 1650 dalam Bahasa Arab, diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris pada 1994 dan bahasa Russia pada tahun ini.

Syed Hussien yang kini Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu, berkata buku itu walaupun hanya 28 muka surat tetapi ia penuh dengan maklumat asas Islam.

"Pengalaman bertugas di Russia dan melihat sendiri masyarakat Islam bekas negara komunis itu, hanya tahu Islam melalui nama saja, menyebabkan timbul rasa tanggungjawab untuk membantu mereka.

"Bayangkan hampir 70 tahun berada dalam cengkaman komunis yang tidak memberikan kebebasan beragama, menyebabkan 20 juta rakyat Islam di negara itu, tidak tahu asas Islam terutama generasi muda," katanya di sini hari ini.

Menyedari keadaan itu, beliau mengadakan perbincangan dengan Pengarah Institut Tamadun Islam, Moscow, Dr Said H Kiamilev bagi tujuan penterjemahan.

"Apabila saya mengemukakan projek itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau mengerjakan haji tahun lalu, beliau setuju dan dengan sokongannya, projek penterjemahan ini berjaya," katanya.

Pada peringkat permulaan, 100,000 naskah terjemahan dalam bahasa Russia dicetak dengan tajaan Lembaga Tabung Haji, Projek Lebuh raya Utara Selatan (Plus) dan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.

Sementara itu, Dr Said berkata buku berkenaan walaupun kecil tetapi padat dengan nota kaki sebagai rujukan.

"Pada mulanya apabila Syed Hussien membawa buku berkenaan kepada saya untuk diterjemahkan, saya ingat beliau melakukannya kerana karya moyangnya.

"Tetapi setelah membaca buku ini, saya dapati ia sangat sesuai untuk rujukan umat Islam terutama saudara baru dan orang Islam yang tidak tahu apa-apa mengenai Islam," katanya.

Proses penterjemahan itu dilakukan 20 ahli majlis penasihat yang dianggotai mufti dan ahli agama.

"Kita berterima kasih dengan kerajaan Malaysia terhadap sumbangan ini. Kami akan mengagihkannya di universiti, pusat Islam, masjid, pusat masyarakat dan perpustakaan awam seluruh Rusia," katanya.

(END)